



Faculty of Applied and Creative Arts

**WARISAN TRADISI ANYAMAN WAKID KAUM DUSUN DI  
KENINGAU SABAH**

**Nur Shalima Binti Marim  
48370**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)**

**2017**

**WARISAN TRADISI ANYAMAN WAKID KAUM DUSUN DI KENINGAU  
SABAH.**

NUR SHALIMA BINTI MARIM

(48370)

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk mendapatkan  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
(2017)

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....day of .....2017.

**Student's Declaration:**

I NUR SHALIMA BINTI MARIM, 48370, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitle **WARISAN TRADISI ANYAMAN WAKID KAUM DUSUN DI KENINGAU SABAH** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

\_\_\_\_\_  
Date submitted

\_\_\_\_\_  
NUR SHALIMA BINTI MARIM (48370)

**Supervisor's Declaration:**

I PROF. MADYA DR. NORIA ANAK TUGANG hereby certifies that the work entitled **WARISAN TRADISI ANYAMAN WAKID KAUM DUSUN DI KENINGAU SABAH** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a\* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by : \_\_\_\_\_ date: \_\_\_\_\_  
(Prof. Madya Dr. Noria Anak Tugang)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972\*

**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)\*

**OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copied for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature: \_\_\_\_\_ Supervisor Signature: \_\_\_\_\_  
(Nur Shalima Binti Marim) (Prof Madya Dr. Noria Anak Tugang)

Current Address:

KAMPUNG PADANG TEMBAK, PETI SURAT 1293, 89000 KENINGAU, SABAH.

Note\* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Service]

Catatan :\* Tesis dimaksudkan tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk “**WARISAN TRADISI ANYAMAN WAKID KAUM DUSUN DI KENINGAU SABAH**” telah disediakan oleh **NUR SHALIMA BINTI MARIM** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **pengurusan seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Prof. Madya Dr. Noria Anak Tugang)

Tarikh:

---

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Projek Tahun Akhir (PTA) yang bertajuk “**WARISAN TRADISI ANYAMAN WAKID KAUM DUSUN DI KENINGAU SABAH**” ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ada sesetengah maklumat yang telah saya petik dalam buku rujukan mahupun petikan maklumat dan sumber lain seperti internet. Saya telah mengolah maklumat tersebut dan saya juga telah nyatakan sumbernya.

.....  
(NUR SHALIMA BINTI MARIM)  
No. Matrik: 48370

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Prof Madya Dr. Noria Tugang yang merupakan penyelia kajian saya. Dengan ilmu yang dicurahkan selama ini telah banyak membantu dalam menjalankan kajian ini. Dorongan dan bimbingan yang telah diberikan memberi semangat saya untuk terus mencari dan mengkaji sehingga mencapai keputusan kajian yang diinginkan.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberi semangat dan dorongan walaupun pelbagai rintangan yang dihadapi selama menjalankan kajian ini. Dorongan ibu bapa yang kuat menimbulkan semangat saya untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sudi berkongsi pendapat. Tidak kira dimana pun mereka tetap memberi kata-kata membina jati diri untuk menjadi seorang yang terus tabah, tekun, dan gigih berusaha.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang turut terlibat dalam menyumbangkan data-data yang berguna serta menjadi informan bagi menjayakan kajian mengenai salah satu warisan dan tradisi kaum Dusun di Sabah.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada mereka yang telah terlibat dan membantu secara langsung dan tidak langsung sehingga kajian ini selesai dilaksanakan dengan jayanya.

## Isi Kandungan

	Muka surat
Borang Pengesahan	i
Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Gambar	viii
Senarai Rajah	xi
Abstrak	xii
Absract	xiii
Bab 1 : Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Lokasi Kajian	5
1.5.1 Peta Negeri Sabah	6
1.5.2 Peta Daerah Keningau	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Kerangka Konseptual	9
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Masalah yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian	14
Bab 2 : Sorotan Kesusasteraan	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Pengurusan	15
2.3 Kebudayaan	16
2.4 Bahan Anyaman	18
2.5 Tradisi Anyaman	21



2.6	Kaum Dusun	23
2.7	Rumusan	24
Bab 3 : Metodologi Kajian		
3.1	Pengenalan	25
3.2	Kajian Perpustakaan	26
3.3	Kajian Lapangan	26
3.4	Kaedah Kualitatif	27
3.4.1	Pemerhatian	27
3.4.2	Pemerhatian Turut Serta	28
3.4.1	Temu Bual	28
3.5	Rumusan	29
Bab 4 : Analisis dan Dapatan Kajian		
4.1	Pengenalan	30
4.2	Analisis Data	31
4.3	Dapatan Kajian dan Perbincangan	67
4.4	Rumusan	72
Bab 5 : Kesimpulan dan Cadangan		
5.1	Kesimpulan	73
5.2	Cadangan	75
Glosari		77
Senarai Rujukan		79
Lampiran		81

## SENARAI GAMBAR

<b>Gambar 1</b> Peta Negeri Sabah	6
<b>Gambar 2</b> Peta Daerah Keningau	7
<b>Gambar 3</b> Buluh	32
<b>Gambar 4</b> Rotan	33
<b>Gambar 5</b> Tulang Sai	34
<b>Gambar 6</b> Kulit Kayu	35
<b>Gambar 7</b> Pelepah Pinang	35
<b>Gambar 8</b> Parang	36
<b>Gambar 9</b> Pisau Raut	37
<b>Gambar 10</b> Penebuk Lubang	38
<b>Gambar 11</b> Penyukat Buluh	39
<b>Gambar 12</b> Penjepit Buluh	40
<b>Gambar 13</b> Pencungkil Buluh	41

<b>Gambar 14</b>	
Membelah Rotan	41
<b>Gambar 15</b>	
Menipiskan Kulit Kayu	42
<b>Gambar 16</b>	
Membelah Buluh	43
<b>Gambar 17</b>	
Menyukat Buluh	44
<b>Gambar 18</b>	
Meraut Buluh	45
<b>Gambar 19</b>	
Buluh telah diraut	46
<b>Gambar 20</b>	
Buluh telah diraut	46
<b>Gambar 21</b>	
Menganyam Buluh	47
<b>Gambar 22</b>	
Belit Biasa	48
<b>Gambar 23</b>	
Belit Biasa	48
<b>Gambar 24</b>	
Buluh Selesai Dianyam	49
<b>Gambar 25</b>	
Mencantum Anyaman Buluh	49
<b>Gambar 26</b>	
Memasang Dulung	50

<b>Gambar 27</b>	
Memasang Dulung pertama	52
<b>Gambar 28</b>	
Kedudukan Dulung Dalam Wakid	52
<b>Gambar 29</b>	
Belit Toluhu	53
<b>Gambar 30</b>	
Memasang Rotan	53
<b>Gambar 31</b>	
Memasang Lakou	54
<b>Gambar 32</b>	
Membuat Tali Wakid	55
<b>Gambar 33</b>	
Tali wakid yang telah siap	56
<b>Gambar 34</b>	
Pongontolangan	57
<b>Gambar 35</b>	
Memasang tali wakid	58
<b>Gambar 36</b>	
Memasang Tuwou	58
<b>Gambar 37</b>	
Anyaman Wakid	59
<b>Gambar 38</b>	
Kawasan Kajian	65
<b>Gambar 39</b>	
Informan utama	65

**Gambar 40**

Temu Bual Bersama Informan 66

**Gambar 41**

Proses menyiapkan wakid 66

**SENARAI RAJAH**

**Rajah 1**

Peringkat Proses Pengurusan Bahan dan Penghasilan Wakid 32

## **ABSTRAK**

Kajian ini mengenai warisan tradisi anyaman wakid kaum Dusun di Keningau Sabah. Kajian ini memfokuskan kepada proses penghasilan wakid secara tradisional dan kepentingannya terhadap masyarakat Dusun. Pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah temu bual dan turut serta. Kajian mendapati wakid hanya dihasilkan oleh golongan tua (lelaki) dan masih digunakan sehingga kini.

## **ABSTRACT**

The study of inherited tradition woven *wakid* Dusun in Sabah Keningau. This study focuses on the production process for traditional *wakid* and significance for the people of Dusun. The data was collected by means of interviews and participated. The study found *wakid* only produced by the elders (men) and still used until now.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Anyaman adalah sejenis kraf yang dihasilkan melalui proses menjalin helaian atau jaluran daun, lidi, rotan, buluh, dan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan lain dengan cara menyusupkan antara satu sama lain. Kemahiran dalam kesemua bidang anyaman tidak mempunyai banyak perbezaan tetapi hanya bergantung pada jenis tumbuhan dan bahan yang digunakan untuk menganyam (E-man, 2008).

Antara aktiviti seni yang sering dilakukan oleh kaum Dusun adalah seni kraf anyaman seperti buluh. Buluh telah dianggap sebagai sumber penting dalam kehidupan masyarakat etnik Dusun terutama yang tinggal di kawasan pedalaman dan perkampungan. Buluh tidak hanya digunakan untuk menghasilkan kraf dan keperluan seperti bakul dan tikar tetapi juga untuk menghasilkan alat muzik sehinggalah untuk membina kediaman. Justeru itu, anyaman telah menjadi tradisi sejak sekian lama kerana anyaman bertujuan memenuhi keperluan harian penduduk sesuai dengan kehidupan mereka sebagai petani.

Masyarakat etnik Dusun dan Murut merupakan komponen etnik terbesar di Sabah yang telah dikaitkan untuk mempunyai hubungan sejarah dengan Visaya dan Tagalog daripada Filipina. Kumpulan utama kaum dusun ialah, Kadazandusun di Penampang dan Papar, Rungus di Kudat, Lotud di Tuaran, Bundu di Tambunan dan Ranau serta Liwan di bahagian Keningau berhampiran bukit Crocker. Seni dan budaya tradisional kaum sememangnya sudah cukup sehati dalam kehidupan masyarakat etnik Dusun di Sabah malah sudah menjadi tradisi sejak dahulu lagi.



## 1.2 Pernyataan Masalah

Kaum Dusun juga memiliki pelbagai jenis anyaman sebagai suatu warisan tradisi nenek moyang sejak masa dulu sehingga kini. Kesukaran mendapatkan bahan daripada sumber alam semula jadi selain buluh menyebabkan ada antara penggiat anyaman menggunakan bahan gantian seperti plastik untuk membuat anyaman menyebabkan rupa anyaman tradisional mengalami perubahan.

Kemahiran memproses dan menganyam *wakid* yang semakin dilupakan oleh generasi muda, telah menyebabkan seni anyaman dilihat semakin hilang. Hal ini kerana faktor ketiadaan minat dan disebabkan berlakunya perubahan terhadap persekitaran.

Sehubungan itu, anyaman kurang mendapat perhatian daripada golongan muda kerana mereka lebih meminati bidang kraf seperti pembuatan batik, seramik, dan ukiran kayu. Generasi lama yang berkebolehan pula semakin berkurangan dan mempengaruhi faktor kurangnya kualiti dalam penghasilan kraf anyaman.

### **1.3 Objektif Kajian**

Pengkaji telah menetapkan beberapa objektif utama dalam menyediakan penulisan mengenai anyaman *wakid* tradisional kaum Dusun di Sabah. Objektif ini dibuat berdasarkan beberapa permasalahan kajian yang telah dinyatakan.

#### **1.3.1 Mengenal pasti alatan dan bahan untuk membuat anyaman *wakid* yang digunakan oleh kaum Dusun di Sabah.**

Pengkaji akan melihat dan mengenal pasti alatan dan jenis bahan anyaman yang sering digunakan oleh kaum Dusun untuk menghasilkan *wakid*. Objektif ini bertujuan meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman dalam bidang anyaman kaum Dusun. Selain itu, proses mengenal pasti ini adalah sebagai suatu pengenalan kepada anyaman iaitu fokus pada pemilihan bahan yang sesuai untuk mengekalkan anyaman tradisional.

#### **1.3.2 Mengkaji proses pengurusan bahan dan pembuatan anyaman *wakid* tradisional kaum Dusun di Keningau Sabah.**

Disamping itu, pengkaji juga akan melihat proses penghasilan anyaman *wakid* mengikut kaedah lama yang hanya menggunakan bahan semula jadi kerana fokus pengkaji lebih kepada anyaman *wakid* tradisional yang digambarkan sebagai warisan tradisi kaum Dusun. Melalui objektif ini pengkaji juga akan melihat cara penyediaan bahan dan peralatan sepanjang proses pembuatan anyaman *wakid*.

### **1.3.3 Menilai kepentingan seni warisan anyaman *wakid* dalam kehidupan masyarakat Dusun.**

Pengkaji akan mengaitkan dengan faktor-faktor seperti kemajuan teknologi, perubahan persekitaran, dan migrasi dalam objektif ini bagi menilai kepentingan *wakid* dalam masyarakat Dusun. Selain itu, melalui objektif ini secara umum dapat menilai sama ada kemajuan tersebut mempengaruhi akan kualiti dan kegiatan anyaman *wakid* atau tidak serta kepentingannya dalam kehidupan kaum Dusun.

## **1.4 Skop Kajian**

Skop kajian pengkaji adalah pembuatan anyaman *wakid* dalam kalangan masyarakat Dusun sahaja. Pengkaji akan memfokuskan pada *wakid* tradisional dan tidak melihat dari konsep dan pembuatan anyaman masyarakat lain walaupun mereka juga membuat anyaman buluh sebagai keperluan harian. Pengkaji juga menyasarkan kajian ini terhadap masyarakat khususnya kaum Dusun di daerah Keningau akan kepentingan terhadap menjaga warisan dan tradisi seni anyaman khususnya berasaskan Buluh.

## **1.5 Lokasi Kajian**

Kajian ini merangkumi kawasan penempatan kaum Dusun di daerah pedalaman Keningau, Sabah. Selain itu, pengkaji juga akan menjalankan kajian di Pusat Kraftangan Sabah Keningau. Organisasi ini merupakan sebuah organisasi yang giat menjalankan aktiviti pembuatan kraf termasuk anyaman sebagai usaha memelihara warisan dan membantu meningkatkan taraf hidup penduduk sekitarnya. Daerah pedalaman Keningau ini juga dipilih sebagai lokasi kajian kerana masyarakat yang ada di daerah ini cukup terkenal dengan seni anyaman rotan dan buluh. Di samping itu, daerah ini telah dikenal pasti masih terdapat golongan yang giat menjalankan aktiviti anyaman dan pakar dalam bidang anyaman.


### 1.5.1 Peta Negeri Sabah



**Gambar 1.1** : Peta Negeri Sabah

**Sumber** : <http://www.sabah.org.my/abimsabah/Daerah.htm> (2016)

## 1.5.2 Peta Daerah keningau




**Gambar 1.2** : Peta Daerah Keningau, Sabah

**Sumber** : [http://awangkuwebs.tripod.com/peta\\_keningau.htm](http://awangkuwebs.tripod.com/peta_keningau.htm) (2016)

## 1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji dapat mengesan beberapa batasan kajian. Antaranya, kurang pendokumentasian, penyelidikan dan bahan ilmiah mengenai seni pembuatan anyaman *wakid* tradisional serta kurang diketahui sejarah anyaman dalam kaum Dusun. Hal ini kerana, tradisi anyaman semakin kurang mendapat perhatian disamping semakin dilupakan oleh masyarakat Dusun terutamanya golongan muda. Selain itu, pengkaji juga menghadapi masalah kekurangan informan pakar dalam seni anyaman *wakid* tradisional. Kebanyakan pakar yang menghasilkan kraf anyaman *wakid* sudah tidak melakukan aktiviti tersebut kerana faktor lanjut usia.

## 1.7 Kerangka Konseptual



Menurut E-man (2008) dalam buku Siri warisan seni kraf, anyaman adalah sejenis aktiviti seni kraf yang melibatkan proses menjalin helaian atau jaluran daun, rotan, buluh dan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan yang sesuai. Proses anyaman dilakukan dengan cara menyusupkan bahan antara satu sama lain. Kemahiran dalam kesemua bidang anyaman tidaklah mempunyai banyak perbezaan cara. Kaedah anyaman hanya bergantung pada bahan dan jenis tumbuhan yang akan digunakan untuk menganyam. Contoh bahan seperti buluh adalah sejenis tumbuhan yang tergolong dalam kumpulan rumput. Pokok buluh adalah tumbuhan yang hidup dalam bentuk rumpun. Terdapat berpuluh-puluh batang buluh dalam setiap rumpun dan kulit buluh berwarna hijau atau kekuningan mengikut jenis.

Selain itu, Singh (2003), mengkategorikan etnik berdasarkan dialek. Dalam konsep melayu, pengertian suku adalah kumpulan, puak atau suku bangsa. Sehubungan itu, Suraya Sintang (2007), yang juga menyatakan bahawa kaum dusun terbahagi kepada beberapa suku. Sebagai contoh, kaum kadazandusun yang terbahagi dalam beberapa kelompok iaitu, Bonggi, Dumpaas, Idaan, Bagahak, Buludupis dan Tombinuo, Kimaragang, Liwan,